

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HAJI TAJUDDIN BIN ABDUL RAHMAN [PASIR SALAK]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan serta hasil yang telah dicapai oleh Kementerian untuk menampung kekurangan peruntukan yang diluluskan pada Belanjawan tahun lalu bagi petani, penternak dan nelayan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2019, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah diperuntukkan RM4.4 billion berbanding RM5.5 billion pada tahun 2018. Pengurangan ini telah menjelaskan peruntukan keseluruhan bagi program seperti Subsidi Baja Padi, Insentif Pengeluaran Padi dan Elaun Sara Hidup Nelayan Laut dan Darat (ESHN).
2. Bagi mengatasi pengurangan tersebut, Kementerian telah menyusun semula program yang telah dirancang melalui pendekatan *do more with less* dengan mengamalkan perbelanjaan berhemah dan subsidi bersasar. Kementerian juga telah melaksanakan program pemutihan bagi memastikan hanya golongan nelayan dan pesawah yang layak sahaja menerima bantuan.

NO SOALAN : 20

3. Walau bagaimanapun, pada Ogos 2019, Kementerian telah diluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM396 juta bagi menampung peruntukan sedia ada bagi meneruskan kesinambungan Skim Subsidi Industri Padi dan ESHN. Di samping itu, Kementerian masih meneruskan program-program sedia ada yang berupaya meningkatkan pendapatan tambahan golongan sasar minimum RM500 sebulan seperti berikut:

- i. Program Rezeki Tani;
- ii. Program Pinjaman Dana Nelayan dan Bantuan Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS);
- iii. Bantuan Peningkatan Hasil Sayur;
- iv. Kluster Tanaman Kontan;
- v. Tanam Semula Buah-buahan;
- vi. Geran dan pakej pembiayaan Agropreneur Muda melalui Agrobank dan TEKUN Nasional;
- vii. Pembiayaan bagi ternakan (PROPER); dan
- viii. Program Pembangunan Industri Tenusu Negara.

4. Kementerian akan memastikan dengan penyusunan semula program yang telah dirancang ini masih mencapai objektif asal dalam membantu meningkatkan produktiviti pertanian dan kebajikan golongan sasar.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 21

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN BIN MOHD
YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan adakah Kementerian akan memantau penempatan mesin layan diri (*vending machine*) di sekolah yang menjual minuman bergas dalam tin yang mengandungi kadar gula yang tinggi serta tidak menyihatkan murid di sekolah

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberikan perhatian berat terhadap kesihatan dan keselamatan murid. Sehubungan dengan itu, KPM telah menetapkan bahawa makanan dan minuman dalam kategori tidak digalakkan untuk dijual dimasukkan ke dalam kategori dilarang untuk dijual di kantin sekolah selaras dengan Garis Panduan Pemakanan Sihat di Sekolah yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2016. Surat siaran KPM pada 26 April 2017 telah menegaskan bahawa semua perkhidmatan mesin layan diri yang menjual makanan dan minuman yang dilarang tidak dibenarkan berada di premis dan kawasan sekolah. Produk makanan dan minuman bagi mesin layan diri mestilah mematuhi senarai makanan dan minuman yang boleh dijual yang dikeluarkan oleh KKM.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kontrak perkhidmatan mesin layan diri yang berada di premis dan kawasan sekolah mestilah mendapat kebenaran dan kelulusan daripada Pengarah Pendidikan Negeri kecuali yang diuruskan oleh pengusaha kantin yang dilantik dan berada di premis kantin sekolah. Sehubungan dengan itu, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pentadbir sekolah bertanggungjawab memantau perkhidmatan mesin layan diri sekolah.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN
[PADANG BESAR]**

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 22

Minta **Menteri Pendidikan** menyatakan apakah kajian terperinci yang telah dijalankan bagi penggabungan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan adakah penggabungan ini akan menyebabkan pengurangan penjawatan dan pengurangan kos pengurusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, Penggabungan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) merupakan peluang untuk memperkasakan lagi kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti terutama dalam bidang sains kelautan dan peradaban islam. Berdasarkan kepada kebolehupayaan dan sumber kepakaran kedua-dua universiti, Jemaah Menteri pada 4 September 2019 telah bersetuju supaya kedua-dua universiti ini digabungkan.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan beberapa siri libat urus dengan agensi pusat seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) serta warga UNISZA dan UMT. Sesi libat urus yang berterusan akan dilaksanakan bagi memastikan dapatan aspirasi yang inklusif bagi memenuhi kehendak dan keperluan kecemerlangan pendidikan, penyelidikan dan sumbangan kepada masyarakat dan pembangunan negara.

KPM melihat penggabungan ini akan memperkasakan kecemerlangan bakat melalui penyatuan tenaga pakar akademik, meningkatkan kualiti penyampaian pendidikan tinggi dan menggalakkan penyelidikan antara bidang (*transresearch*) dalam kalangan tenaga pakar akademik dan mahasiswa. Pihak JPA bersetuju dengan cadangan untuk mengekalkan perjawatan sedia ada sehingga penyusunan semula sumber manusia dilaksanakan dan diselaraskan mengikut dasar kawalan saiz perkhidmatan awam.

Antara rasionalisasi penggabungan UMT-UNISZA adalah seperti berikut:

- i. melonjakkan pencapaian dan kecemerlangan akademik, penyelidikan dan pengantarabangsaan dengan gabungan kekuatan kepakaran kedua-dua universiti agar setanding dengan universiti terkemuka di dunia;

- ii. melipatgandakan kapasiti, keberhasilan dan impak sumber manusia, kepakaran, dan fasiliti universiti berprestasi tinggi dan berdaya saing kepada pemegang taruh pendidikan tinggi.
- iii. menjadi sebuah pusat rujukan kbeitaraan di peringkat global dalam era merentas disiplin (*transdisciplinary*).

Negara-negara maju seperti United Kingdom dan Norway, telah menggunakan pakai model penggabungan yang berbeza, namun tujuan penggabungan adalah sama iaitu bagi memenuhi keperluan mahasiswa dan meningkatkan daya saing antara universiti.

Justeru, penggabungan ini bakal memperkasa hub pendidikan tinggi di negeri Terengganu serta mempertingkat kebitaraan bidang fokus kedua-dua buah universiti. Sehubungan dengan itu, Penggabungan UMT-UNISZA ini harus dilihat dari sudut positif iaitu sebagai satu daripada siri anjakan transformasi penyampaian pendidikan tinggi terutamanya dalam memantapkan keupayaan universiti selaras dengan Lonjakan 8 (Keunggulan Global) dan Lonjakan 10 (Transfomasi Penyampaian Pendidikan Tinggi) dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015 – 2025, selain melihat kepada kepentingan negara dalam memperkuuh institusi pendidikan tinggi secara keseluruhan terutamanya di negeri Terengganu. Kerajaan juga akan memastikan penggabungan ini memberi manfaat kepada mana-mana pihak yang terlibat.

Dalam masa yang sama, perkara ini masih di dalam peringkat Jawatankuasa Pemandu. Sesi libat urus bersama pihak berkepentingan akan diteruskan bagi melibatkan lebih ramai pemegang taruh dalam proses perbincangan.

Walau apa pun, Kerajaan akan memastikan penggabungan ini tidak akan merugikan mana-mana pihak yang terlibat kerana ia dapat melonjakkan prestasi dan pencapaian universiti ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [TANJONG MALIM]

TARIKH : 6 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO. 23

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilangan pemohon dan bilangan yang ditawarkan dalam bidang pengkhususan Bahasa Cina, Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) tahun 2018 dan 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2018, sebanyak 153 permohonan telah diterima bagi mengikuti program Bahasa Cina bagi Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP). Daripada 153 permohonan, 20 pemohon telah berjaya ditawarkan tempat bagi aliran sekolah jenis kebangsaan cina (SJKC) dan 53 pemohon bagi aliran sekolah kebangsaan (SK).

Manakala bagi tahun 2019 pula, sebanyak 179 permohonan telah diterima bagi mengisi 20 tempat bagi aliran SJKC mengikut unjuran yang telah ditetapkan. Daripada 179 permohonan, 25 calon telah berjaya ditawarkan tempat.

Sekian, terima kasih.